

14 AUG 2000

Che Det-Buku

DR MAHATHIR LANCAR BUKU PENGLIBATANNYA DENGAN PERNIAGAAN

ALOR SETAR, 14 Ogos (Bernama) -- Sebagai menghargai sumbangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terhadap pembangunan Pekan Rabu, sebuah buku bertajuk "Che Det dan Pekan Rabu" telah dihasilkan.

Buku hasil tulisan Zahidi Datuk Zainol Rashid, menceritakan sejarah pembabitan Dr Mahathir dalam perniagaan di situ semasa zaman remajanya serta perkembangan kompleks perniagaan orang Melayu yang terkenal di Alor Setar.

Zahidi sekarang ini berkhidmat sebagai Ketua Bahagian Edaran, Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah.

Dr Mahathir melancarkan buku berkenaan hari ini, di perkarangan kompleks berkenaan.

Dalam ucapannya Perdana Menteri berkata beliau menganggap buku itu satu penghormatan yang besar kepadanya.

"Di sinilah saya belajar mengenai perniagaan dan ekonomi dengan ilmu itu amat berguna kepada saya dalam membantu saya memikirkan cara mengurus dan mentadbir ekonomi serta mempertahankan negara apabila diserang penyanggak mata wang," katanya.

Sememangnya Dr Mahathir mempunyai hubungan yang istimewa dengan Pekan Rabu.

Menurut catatan dalam buku cenderamata majlis itu, apabila Jepun menduduki Tanah Melayu semasa perang dunia kedua, sekolah-sekolah terpaksa ditutup, yang ada hanyalah yang mengajar Bahasa Jepun tetapi Dr Mahathir tidak memasuki sekolah berkenaan.

Semasa itulah beliau mula berniaga cendol, buah-buahan dan mengusahakan kedai kopi di Pekan Rabu bersama dua rakan dikenali Pak Jo dan Nana. Walaupun masih muda, beliau yang menguruskan kedai itu.

Pada 1957 beliau berhenti daripada perkhidmatan kerajaan dan memulakan perniagaan sendiri. Di samping mengendalikan klinik, beliau menjalankan perniagaan pengangkutan dan kuari bersama seorang rakan.

Setiap kali pulang ke Alor Setar, Dr Mahathir tidak melepaskan peluang mengimbas nostalgia ketika zaman mudanya dengan menziarahi kawasan yang mendidik erti kehidupan sebagai peniaga kecil.

Beliau adalah anggota Koperasi Pekan Rabu sejak 31 Dis 1959 dengan no keanggotaan beliau ialah 239.

Kompleks yang ada hari ini telah dirasmikan pembukaannya pada 1978 oleh Dr Mahathir, semasa itu beliau memegang jawatan Timbalan Perdana Menteri.

Sebelum ini Dr Mahathir pernah menghasilkan sebuah buku "Panduan Peniaga Kecil" yang berdasarkan pengalaman beliau berniaga.

Buku itu boleh didapati di pasaran mulai hari ini dengan harga tawaran RM80, berbanding harga biasa RM120. Harga tawaran hanya pada hari ini.

Ia adalah terbitan Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Kedah.

-- BERNAMA

MZM MAN PR